

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024**  
**N02 BERTAM**

Yang Berhormat Tuan Speaker,  
Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan,  
Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Selamat pagi, salam sejahtera, dan salam Malaysia Madani.

Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap dalam sidang Dewan Undangan Negeri hari ini.

Saya ingin menarik perhatian sidang ini kepada kepentingan pelancongan agama, yang merupakan satu bentuk pelancongan dengan motivasi utama untuk menunaikan ibadah dan menghayati pengalaman keagamaan. Pelancongan agama lazimnya merangkumi aktiviti seperti melawat tempat-tempat suci, menyertai upacara keagamaan, serta mempelajari budaya agama setempat.

Pelancongan agama mempunyai peranan yang amat penting dalam ekonomi tempatan di Pulau Pinang. Para pelancong yang mengunjungi tempat-tempat ibadat biasanya juga akan berbelanja di kawasan sekitar, seperti membeli cenderamata, menikmati hidangan tempatan, dan menginap di hotel-hotel tempatan. Aktiviti ini secara langsung memberi sumbangan positif kepada perkembangan ekonomi setempat.

Jika kita melihat dari perspektif antarabangsa, banyak negara dengan industri pelancongan yang pesat berkembang menunjukkan bahawa pelancongan agama memainkan peranan yang signifikan. Sebagai contoh, berdasarkan data yang diberikan oleh Majlis Pentadbiran Taiwan, terdapat sebanyak 15,175 bangunan keagamaan di Taiwan. Pada tahun 2023 (Hijrah 1444), seramai 1,845,045 orang dari seluruh dunia menunaikan haji di Mekah, dengan 1,660,915 daripadanya adalah jemaah antarabangsa. Sumbangan ekonomi dari aktiviti ini melebihi 100 bilion dolar. Destinasi pelancongan agama terkenal lain termasuk Nara dan Kyoto di Jepun, Bangkok dan Chiang Mai di Thailand, Vatican City di Itali dan sebagainya.

Menurut Ahli Parlimen Bagan, YB Lim Guan Eng, terdapat dua buah tokong terbesar di Malaysia yang terletak di Butterworth, iaitu Tow Boo Kong Temple dan Rumah Berhala Guan Yin Ting Dou Mu Gong yang terkenal di seluruh negara. Bagi memastikan Butterworth memanfaatkan sepenuhnya industri pelancongan, adalah penting untuk kita menganjurkan lebih banyak aktiviti dan memperkuuh pelancongan agama. YB Bagan sentiasa menyokong dan menggalakkan pelancongan agama di Butterworth.

Selain itu, Pulau Pinang juga mempunyai banyak lagi destinasi pelancongan agama yang telah diwartakan sebagai tapak warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), termasuk Masjid Melayu Lebuh Acheh, Masjid Kapitan Keling, dan Gereja St. George. Tidak ketinggalan, terdapat juga Wadda Gurdwara Sahib, Gereja St. Anne di Bukit Mertajam, Kuil Kuan Yin di George Town, Kek Lok Si, Masjid Terapung Tanjung Bungah dan lain-lain lagi.

**Soalan 1:** Boleh Kerajaan Negeri jelaskan secara terperinci apakah inisiatif khusus yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini untuk mempromosikan pelancongan agama di Pulau Pinang, dan bagaimana keberkesanannya inisiatif-inisiatif ini diukur?

**Soalan 2:** Boleh Kerajaan Negeri sediakan pecahan perbelanjaan secara terperinci bagi tahun lalu yang melibatkan penyelenggaraan dan pengubahsuaian destinasi pelancongan agama, serta usaha-usaha promosi pelancongan agama di Pulau Pinang? Saya juga ingin tahu bagaimana dana ini diagihkan dan dipantau untuk memastikan keberkesanannya.

**Soalan 3:** Boleh Kerajaan Negeri huraikan secara mendalam apakah perancangan strategik dan projek-projek konkrit yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam masa terdekat untuk memajukan industri pelancongan agama di Pulau Pinang? Saya juga ingin tahu apakah sasaran khusus yang ingin dicapai dan bagaimana kemajuan ini akan diukur dan dilaporkan.

Selain itu, industri pelancongan di Pulau Pinang semakin matang. Walau bagaimanapun, destinasi pelancongan di Seberang Perai mempunyai potensi yang besar dan masih belum diterokai sepenuhnya. Sebagai contoh:

- Penang Golf Resort di Kepala Batas dan Bukit Jawi Golf Resort untuk pelancongan sukan.
- Bertam Resort & Water Park Penang dan Kampung Agong untuk pelancongan rekreasi.
- Pusat Arkeologi Guar Kepah yang dijangka dibuka hujung tahun ini untuk arkeologi-edu-tourism.
- Pinang Tunggal di Kepala Batas, Rekreasi Air Hitam Dalam, dan Taman Rimba Bukit Mertajam menawarkan peluang untuk pelancongan eko.
- Design Village, IKEA, dan Auto City di Seberang Perai pula mempunyai potensi besar dalam pelancongan beli-belah.
- Sebagainya.

**Soalan 1:** Boleh Kerajaan Negeri jelaskan secara terperinci apakah perancangan strategik dan inisiatif konkret yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan serta mempromosikan destinasi pelancongan di Seberang Perai?

**Soalan 2 :** Mempunyai destinasi pelancongan yang menarik sahaja tidak mencukupi. Infrastruktur seperti penginapan hotel, sistem pengangkutan, dan kemudahan awam semuanya memainkan peranan penting dalam pelancongan di Seberang Perai. Boleh Kerajaan Negeri jelaskan bagaimana kerajaan negeri merancang untuk meningkatkan infrastruktur ini bagi menyokong dan memperkuuh destinasi pelancongan di Seberang Perai? Apakah langkah-langkah khusus yang akan diambil untuk memastikan keselesaan dan kemudahan pelancong?

Sekian, terima kasih.

**Ong Zhan Hao**

**N02 Bertam**

**Sidang Muda 2024**